

KENYATAAN MEDIA

14 FEBRUARI 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Anjur EE Challenge 2019 Untuk Budayakan Kehidupan Cekap Tenaga

Putrajaya, 14 Feb. – Suruhanjaya Tenaga (ST) kembali menganjurkan pertandingan cekap tenaga *Energy Efficiency Challenge (EE Challenge) 2019*, bertujuan untuk membudayakan kehidupan cekap tenaga (*energy efficient*) di kalangan generasi muda bagi memastikan tenaga elektrik dapat digunakan dengan sebaiknya.

Acara tahunan yang dianjurkan buat kali keenam ini juga diadakan bagi mendidik dan memupuk budaya menjimatkan tenaga elektrik di kalangan para pelajar dan warga sekolah serta memberi kesedaran kepada para pelajar dan warga sekolah mengenai kesan penjimatan tenaga elektrik kepada alam sekitar.

Dengan jumlah hadiah yang ditawarkan bernilai RM80,000, pertandingan ini terbuka kepada semua sekolah menengah di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Untuk Kategori Utama, hadiah wang tunai sebanyak RM12,000 ditawarkan untuk tempat pertama, RM10,000 bagi tempat kedua, RM8,000 untuk tempat ketiga dan RM5,000 untuk enam pemenang zon. Pemenang akan dinilai melalui kadar pengurangan elektrik, kadar pengurangan intensiti tenaga, bilangan aktiviti yang dijalankan, impak serta laporan yang dikemukakan.

Dua kategori lain yang turut dipertandingkan adalah Video Pembentangan Paling Kreatif dan Video Paling Tular, masing-masing menawarkan hadiah RM5,000 untuk tempat pertama, RM3,000 untuk tempat kedua dan RM2,000 untuk tempat ketiga.

Sekolah-sekolah yang ingin menyertai pertandingan ini boleh menghantar borang penyertaan yang telah lengkap kepada ST sebelum atau pada 31 Mac 2019. Aktiviti-aktiviti penjimatan elektrik di sekolah akan dikira untuk enam bulan bermula April hingga September

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

2019, sebelum pemenang diumumkan pada Majlis Penyampaian Hadiah yang dijangka akan diadakan pada bulan November 2019.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web ST di www.st.gov.my. Peserta juga boleh mendaftar untuk menyertai taklimat pertandingan melalui capaian <http://bit.do/registereecc2019>.

EE Challenge dianjurkan buat pertama kalinya pada tahun 2014 di mana ia terbuka kepada sekolah-sekolah menengah di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Acara ini kemudian dibuka kepada sekolah-sekolah menengah di seluruh Semenanjung pada tahun 2016, dan turut dibuka kepada sekolah-sekolah menengah di Sabah bermula pada 2017.

Tamat

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairullati Mali

Unit Komunikasi Korporat

Tel: 03 8870 8500/03 8870 8554/03 8870 8598/013 2183778 (Zairullati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/zairullati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.